


Telefon : 088-257111
Faks : 088-212655
E-mail : bn.jbn@sabah.gov.my



JABATAN BENDAHARI NEGERI
Wisma Kewangan
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

RUJ: JBN No. (A)400-10/3595/(50)

07 Mei 2002

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 4 TAHUN 2002
PELARASAN KENAIKAN GAJI 10% KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI
DI BAWAH SISTEM SARAAN BARU (SSB)**

1. Tujuan

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan tarikh dan kaedah pelaksanaan pembayaran pelarasan gaji/saraan berikutan keputusan Kerajaan Negeri untuk memberi kenaikan gaji 10% kepada Anggota Perkhidmatan Awam di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) mulai 1 Januari 2002.
- 1.2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Perkhidmatan Awam Negeri Sabah Bilangan 2 Tahun 2002 bertarikh 30 April 2002.
- 1.3. Pekeliling Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dan Pekeliling Jabatan ini boleh didapati di laman Sabahnet di <http://www.sabah.gov.my/ecircular/>.

2. Tarikh Pelaksanaan Pelarasan Kenaikan Gaji/Saraan 10%

- 2.1. Pelarasan Kenaikan Gaji/Saraan 10% akan dilaksanakan pada bulan Mei 2002.
- 2.2. Pembayaran Kenaikan gaji/saraan 10% yang tertunggak bagi tempoh Januari hingga April 2002 akan dilakukan secara berperingkat-peringkat. Walau bagaimanapun pembayaran tunggakan tersebut adalah ditangguhkan dan tarikh pembayaran akan diumumkan kelak apabila telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

3. Kaedah Pelaksanaan

- 3.1. Pemandahan kepada gaji/saraan baru (termasuk bayaran elaun/imbuhan yang berasaskan peratusan daripada gaji pokok yang diterima seperti imbuhan tetap wilayah, elaun hidup susah dan bayaran insentif perkhidmatan kritikal) akan dibuat secara automatik oleh Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) bagi anggota yang mana gaji/saraan dibayar melalui Sistem Gaji Pusat berasaskan maklumat atau gaji/saraan yang terdapat dalam sistem pada bulan Mei 2002.
- 3.2. JPKN dengan kerjasama Jabatan ini akan mengeluarkan satu Laporan – “Laporan Bayaran Pelarasan Kenaikan Gaji/Saraan SSB 10%.”
- 3.3. Semua Ketua Jabatan dipertanggungjawabkan untuk memastikan kesahihan perkiraan atau perubahan-perubahan dalam laporan tersebut di perenggan 3.2 di atas. Sekiranya terdapat kesilapan (kurang/lebih bayaran), pembetulan (termasuk bayaran balik) hendaklah dibuat dalam bulan berikutnya dengan menggunakan Borang Input PAY-A3 (Pin. 96) dan menghantarnya mengikut jadual penghantaran Borang Pengemaskinian Input yang telah ditetapkan melalui Pekeliling Jabatan ini bilangan 10 Tahun 2001 (JBN.No.A/100-4/1149/(88) bertarikh 25 Oktober 2001).
 - 3.3.1. Borang Input PAY-A3 mestilah lengkap disokong dengan dokumen-dokumen berikut:-
 - (a) Borang/Penyata Pengiraan Pelarasan Saraan (Borang G1.1 boleh digunakan).
 - (b) Salinan Sijil Pergerakan Gaji.

- (c) Salinan slip/baucar Bayaran Gaji bulan Mei 2002.
 - (d) Borang Pelarasan Gaji anggota SSB (Kenaikan 10%) seperti diLampiran A yang disertakan bersama pekeliling ini.
 - (e) Dokumen-dokumen lain, jika diperlukan.
- 3.4. Semua pengemaskinian/perubahan yang melibatkan gaji pokok dan yang berkaitan dengan gaji seperti potongan-potongan, anggota berpindah pusat bayaran, pemberhentian gaji dan lain-lain akan diproses seperti biasa dalam bulan Mei 2002. Walau bagaimanapun, sebarang perubahan gaji pokok dalam bulan tersebut hendaklah menggunakan matagaji lama dan hanya akan dipindah secara automatik oleh JPKN kepada mata gaji baru.
- 3.5. Kadar Elaun Tanggungan Kerja yang sedang dibayar melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) tidak dapat diubah oleh JPKN ke kadar yang baru. Untuk mengubah/mengemaskini elaun tersebut ke kadar baru, Kementerian, Jabatan dan Pejabat Daerah hendaklah mengemukakan borang pengemaskinian gaji (Borang PAY-A3) yang lengkap diisi dengan kadar Elaun Tanggungan Kerja yang baru bersama Penyata Pengiraan Tunggakan Borang G1.1 dan dihantar untuk dibayar mulai bulan Jun 2002 mengikut jadual penghantaran input biasa yang telah ditetapkan.
- 3.6. Bayaran pelarasan saraan bagi anggota yang dibayar melalui baucar berasingan akan diurus atau dikendalikan oleh Kementerian, Jabatan dan Pejabat Daerah masing-masing di mana anggota berkenaan berkhidmat.
- 3.6.1. Kaedah pelarasan sama seperti pembayaran saraan bulanan biasadandisokong dengan dokumen berikut:-
- (a) Borang Pelarasan Gaji Anggota SSB (Kenaikan 10%) seperti di Lampiran A yang disertakan bersama pekeliling ini.
 - (b) Salinan Sijil Pergerakan Gaji.
 - (c) Dokumen-dokumen lain, jika diperlukan.
- 3.6. Bayaran pelarasan kenaikan gaji/saraan 10% ini ditanggung oleh Kementerian atau Jabatan yang akhir di mana Anggota Perkhidmatan Awam berkenaan sedang bertugas.

4. Bayaran Pelarasan Gaji/Saraan Melalui Sistem Gaji Pusat

- 4.1. Semua pembayaran pelarasan kenaikan gaji/saraan 10% hendaklah dibayar melalui Sistem Gaji Pusat. Pembayaran pelarasan kenaikan gaji/saraan 10% melalui baucar berasingan tidak dibenarkan kecuali untuk anggota seperti dijelaskan diperenggan 4.2.
- 4.2. Pembayaran pelarasan kenaikan gaji/saraan untuk Anggota Perkhidmatan Awam yang mana gaji mereka tidak diurus melalui Sistem Gaji Pusat seperti yang telah bersara, sedang bercuti tanpa gaji dan telah meninggal dunia tetapi masih layak dibayar pelarasan gaji/saraan hendaklah dibuat melalui baucar berasingan.

5. Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

- 5.1. Pelarasan Kenaikan gaji/saraan akan dikenakan potongan caruman KWSP mengikut Jadual Ketiga (Seksyen 43) Kadar Caruman KWSP Bulanan yang dipindah dalam tahun 1995 dan berkuatkuasa pada 01 Januari 1996.

6. Cukai Pendapatan

- 6.1. Cukai Pendapatan akan dikenakan ke atas pelarasan gaji/saraan ini mengikut kadar yang sedang berkuatkuasa.

7. Pelarasan Kenaikan Gaji/Saraan Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS)

- 7.1. Pelaksanaan bayaran pelarasan saraan ini juga dipanjangkan kepada Jabatan Mengakaun Sendiri.

8. Penutup

- 8.1. Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus kepada Seksyen Gaji Dan Pencen (Nombor Telefon: 088-257111 samb. 3109, 0888-255628 atau e-mail : acc.i.jbn@sabah.gov.my) untuk mendapatkan maklumat atau penjelasan lanjut.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"



(PHILIP N.K CHIU)

Bendahari Negeri

s.k. Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU

(u.p : Akauntan Kanan- Encik Denis Mijin)

s.k. Pengarah
Jabatan Pertanian
Menara Khidmat
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU

(u.p: Akauntan Kanan - Cik Phak Shiu Len)

s.k. Pengarah Perhutanan
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN

(u.p : Akauntan Kanan Encik Rusdin Riman)

s.k. Pengarah Tanah Dan Ukur
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU

(u.p: Akauntan - Encik John Angelo)

- s.k. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 1, Blok A
Wisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU
- (u.p. Pegawai Analisa Sistem - Cik Cecilia Chang)
- s.k. **Semua Bendahari Daerah**

ASA/MGAR/nb.

Lampiran A

**Pelarasan Gaji Anggota SSB (Kenaikan 10%)
(Pekeliling Perkhidmatan Awam Negeri Sabah Bil. 2 Tahun 2002)**

Nama Pegawai:

Rujukan Fail:

Jawatan:

Taraf Jawatan:

Gred Gaji:

Tarikh Matagaji Maksimum:

Tarikh	*Gred Gaji		*Gred Gaji		CATATAN
	*Matagaji Lama		*Matagaji Baru (10%)		
					Tarikh Pergerakan Gaji Yang Terakhir Diberi Sebelum 1.1.2002
1.1.2002					Tarikh Kuatkuasa Pelarasan Gaji 1 Januari 2002. Diberi Pindahan kepada matagaji Baru SSB.

* Sila gunakan satu ruang di bawah Gred Gaji dan begitu juga ruang di bawah Matagaji Lama/ Baru dan bagi kes-kes tertentu kedua-dua ruang boleh digunakan.

Disahkan Benar

Tarikh:

Tandatangan Ketua Jabatan
Dan Cap Rasmi Jabatan

s.k. Bendahari Negeri
Pengarah Audit
Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri